

# KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: SINAR HARIAN (NEGERI)

TARIKH: 07 OKTOBER 2019

MUKA SURAT: 30

## Sasar juara balai bomba terbaik seluruh negara

TEMERLOH - Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Bukit Angin, Temerloh di sini tersenarai antara lima balai terbaik seluruh negara dalam pertandingan Balai Cemerlang sempena sambutan Hari Inovasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) 2019.

Ketua BBP Bukit Angin, Penolong Kanan Penguasa Bomba Hasnuddin Husin berkata, tersenarai pada kedudukan lima terbaik adalah pencapaian tertinggi yang pernah dilakar sejak balai berkenaan beroperasi pada 2014.

Menurutnya, buat julung kalinya balai tersebut mewakili Pahang dalam pertandingan yang akan diadakan hujung tahun ini.

"Memang tersenarai dalam lima terbaik satu pencapaian yang membanggakan namun kita berhasrat untuk muncul juara.

"Ini berkat usaha dan kerjasama semua anggota dan pelbagai pihak selain sokongan Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Pahang, Nor Hisham Mohammad," katanya selepas Majlis Gotong-royong Perdana di BBP Bukit Angin di sini kelmarin.



Peserta membantu mengecat pagar Balai Bomba dan Penyelamat Bukit Angin, Temerloh kelmarin.